

8 FAKTOR MENGAPA UNDI CALON BARISAN

KUALA LUMPUR. Jumaat — MCA hari ini mengeluarkan lapan faktor mengapa penduduk pilihanraya kecil Seremban harus mengundi calon Barisan Nasional di hari mengundi esok.

Pemangku Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, berkata, dari rekod-rekod lalu, kerajaan Barisan Nasional sentiasa meneruskan projek-projek pembangunan walaupun parti komponennya kalah.

Menurut beliau, tidak pernah terjadi dalam sejarah kerajaan Barisan Nasional 'menganaktirikan' projek-projek yang

sudah dirancang dari tergendala kerana parti lawan menang.

Kata beliau, penduduk-penduduk kawasan pilihanraya itu hendaklah berfikir panjang untuk memberi peluang kepada calon Barisan Nasional yang boleh melaksanakan lebih banyak rancangan untuk memperjuangkan kebajikan semua pihak.

Menurut beliau, lapan fakta mengapa penduduk patut mengundi Barisan Nasional ialah:

- Pengundi di Seremban tidak boleh menggunakan peluang undi itu untuk melepaskan geras atau tidak puas hati ke atas kerajaan, tetapi menggunakan peluang itu sebagai tujuan untuk membina bangsa.

- Mengundi calon Barisan Nasional, Puan Rosle Teh Lee Beng, membolehkan beliau membawa aspirasi penduduk Seremban kepada kerajaan dan parlimen.

- Dalam pada itu, kata Datuk Dr Neo, mengundi calon itu juga memberi insentif yang lebih bagi menggerakkan lagi pergerakan politik wanita di negara ini, khasnya wanita-wanita Cina.

- Satu undi untuk Puan Rosle Teh adalah undi

untuk Barisan Nasional. Undi itu juga menunjukkan kestabilan, keamanan dan keharmonian di dalam negara untuk meneruskan pembangunan.

- Satu undi untuk calon itu juga memberi peluang untuk melahirkan pemimpin yang berdedikasi, mempunyai sikap berah, cekap dan amanah untuk meneruskan perjuangan politik.

- Pengundi-pengundi hendaklah sedar bahawa mengundi untuk Dr Chen Man Hih tidak menyelesaikan masalah atau memberi apa-apa pembaruan.

Hadiah

Keadaan, kata Datuk Dr Neo, tetap tidak akan berubah. Pentadbiran parti pembangkang selama 18 tahun di kawasan itu sebelum kalah di tangan bekas Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon, pada tahun 1982 jelas dan terbukti kelemahannya.

- Tindakan parti pembangkang menghina kaum Cina ketika hari penamaan calon amat mengecewakan dan menjatuhkan maruah masyarakat Cina.

- Laporan-laporan

juga menunjukkan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Slang, hanya menganggap jika parti itu menang, kemenangan itu adalah 'satu hadiah sebelum bersara dan hari jadi' untuk Dr Chen.

Kata beliau, sebagai sebuah parti yang akan bertanggungjawab kepada pengundi dan penyokongnya, parti pembangkang tidak boleh menganggap kemenangan dalam pilihanraya itu sebagai kemenangan peribadi, tetapi pengorbanan kepada nusa, bangsa dan agama.

- Pengundi-pengundi di negeri itu juga harus mempunyai pendirian objektif dan mengundi calon yang dapat memastikan pembangunan yang berterusan di kawasan itu.

Datuk Dr Neo juga meminta pengundi dan penyokong Barisan Nasional mengundi Puan Rosle Teh untuk mencapai perpaduan dan menunjukkan sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional bagi membolehkan masyarakat dan rakyat di negara ini menikmati keamanan dan keharmonian dalam negara.